


Geotapak ini terletak di utara Langkawi membentuk morfologi (rupabumi) perbukitan dan pesisir pantai luar biasa. Di sini tertabur bongkah granit (tor) yang hampir membulat dan pelbagai saiz di pantai sehingga ke kawasan Kompleks Kraf. Ada antara tor ini berdiameter sehingga 10 meter. Dua keadaan tabii yang membolehkan pembentukan morfologi tor: (a) proses luluhawa batuan tanah sehingga membentuk tor pelbagai saiz; (b) proses hakisan lebih pantas daripada luluhawa sehingga bongkah ini terdedah di permukaan. Ini ialah fenomena geologi yang jarang berlaku di kawasan tropika lembab, kecuali di beberapa kawasan pesisir pantai berbatu.

Dalam kepercayaan orang Melayu, tor granit sering disebut sebagai 'batu hidup' kerana ia seolah semakin membesar setiap masa. Apa yang berlaku ialah hakisan akan merendahkan permukaan tanah sehingga bongkah menjadi lebih terdedah, oleh itu kelihatan semakin besar. Kompleks Kraf Langkawi adalah sebuah pusat kraftangan yang terletak di dalam geotapak ini. Kompleks ini menjual kraftangan tempatan asli Malaysia dan mengadakan program pendidikan mengenai seni kraftangan Malaysia. Di sini juga terdapat muzium yang mempamerkan warisan budaya pelbagai etnik di Malaysia. Geotapak Tor Teluk Yu sesuai sebagai kawasan riadah pantai sambil mempelajari keunikan kraftangan Malaysia.

This geosite is located in the north of Langkawi to form a landscape of hills and outstanding coastline. There are granite boulders (tors) of various sizes strewn across the beach right up to the hills at the Craft Complex. Some of these tors have a diameter up to 10 metres. Two natural conditions cause the formation of tor morphology: (a) weathering process of granite rock forms tors of various sizes; (b) the erosion process is faster than weathering until the boulders are exposed to the surface. This is a rare geological phenomenon in the tropics, except in several rocky coastal areas.

In Malay beliefs, granite tors are often referred to as 'live stones' as they seem to grow with time. What happens is that erosion lowers the soil surface until the boulder is more exposed, thus, appears larger. The Langkawi Craft Complex is a handicraft centre located within this geosite. This is where native Malaysian handicrafts are sold and education programmes about the art of Malaysian handicrafts are conducted. There are also museums that showcase the various ethnic heritage in Malaysia. Teluk Yu Granite Tors Geosite is suitable as a beach recreation area while learning about the uniqueness of Malaysian handicrafts.




▲ Pembentukan tor granit
Formation of granite tors



▲ Pantai Teluk Yu dari pandangan atas
Teluk Yu beach seen from above



Sebuah tor granit menerobos kanopi hutan
A single granite tor protruding from the canopy



▲ Tor granit yang merata di pantai Teluk Yu
Big granite tors strewn across Teluk Yu beach



▲ Diameter tor granit boleh mencapai sehingga 10 meter
Diameter of granite tors can reach up to 10 metres

Pelancong sedang membuat lukisan batik di Kompleks Kraf
A tourist doing a batik painting at the Craft Complex



▲ Meniup kaca
Glass blowing